

05/08/1997

Pengambilalihan MISC masih dikaji

RUNDINGAN mengenai pengambilalihan sebahagian daripada ekuiti Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) oleh Diperdana Corporation Bhd (Diperdana), masih diteruskan dan hasilnya dijangka diumumkan tidak lama lagi.

Pengarah Diperdana, Mirzan Mahathir berkata, sehingga kini cadangan pengambilalihan itu masih dalam peringkat kajian dan ia dijangka memerlukan sedikit masa lagi sebelum diselesaikan.

"Kini saya tidak dapat memberi maklumat lanjut berhubung pengambilalihan itu dan yang jelasnya kami perlukan masa membuat dan menyelesaikan kajian.

"Namun demikian, kami akan menjelaskan semuanya apabila tiba masanya nanti," katanya selepas majlis pelancaran CEN Worldwide Sdn Bhd, syarikat pengurusan logistik dan pengedaran ekspres, di Kuala Lumpur, semalam.

Dengan kenyataan itu, ura-ura yang menyatakan MISC akan mengalami perubahan pemegang saham utamanya daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) kepada Diperdana, semakin cerah.

Sebelum ini, kedua-dua pihak termasuk satu lagi kumpulan diterajui Mirzan iaitu Konsortium Perkapalan Bhd, giat mengadakan rundingan berhubung cadangan mengambil alih MISC daripada KWAP itu.

(END)